

**RUBRIK PENGIKTIRAFAN PROGRAM PEMBANGUNAN PELAJAR
BERIMPAK TINGGI
ANJURAN
UNIVERSITI TUN HUSSEIN ONN MALAYSIA (UTHM)**

1.0 TUJUAN

Pemakluman rubrik ini adalah bertujuan untuk **Pengiktirafan Program Pembangunan Pelajar Berimpak Tinggi anjuran Universiti Tun Hussein Onn Malaysia (UTHM)**.

2.0 LATAR BELAKANG

- 2.1 Adalah dimaklumkan bahawa Kementerian Pendidikan Tinggi (KPT) menganjurkan Anugerah Tokoh Siswa Kebangsaan setiap tahun dan merupakan satu-satunya platform pengiktirafan di peringkat kebangsaan yang memberikan ruang kepada mahasiswa/i dan Kelab/Persatuan/Sekretariat Pelajar yang aktif dalam pengurusan program dan aktiviti ko-kurikulum yang berimpak tinggi di peringkat Universiti/Komuniti/Kebangsaan/Antarabangsa. Pengiktirafan ini amat penting dalam menyediakan calon yang layak untuk diketengahkan dalam anugerah ini.
- 2.2 Disamping itu, Pusat Pembangunan Pelajar (PBP) juga menganjurkan Anugerah Inspirasi Mahasiswa bagi mengiktiraf penglibatan mahasiswa/i dan Kelab/Persatuan/Sekretariat Pelajar yang aktif dalam pengurusan program/aktiviti ko-kurikulum.
- 2.3 PBP juga mengiktiraf peranan dan sumbangan dan keterlibatan staf sebagai penasihat dalam program pembangunan pelajar yang berimpak tinggi dan juga Anugerah Inspirasi Cendiakawan.
- 2.4 Pengiktirafan sebegini juga dapat digunakan oleh staf selaku **Penasihat Program atau Majlis Tertinggi Program** untuk proses kenaikan pangkat yang menekankan pengurusan kumpulan pelajar bagi aktiviti berimpak tinggi sebagai salah satu elemen keperluan dalam proses permohonan kenaikan pangkat. Surat justifikasi program berimpak tinggi boleh dimuat naik di sistem TCIS sebagai bukti pengurusan staf dalam program berimpak tinggi pelajar untuk proses permohonan kenaikan pangkat. **Program tersebut wajib dianjurkan oleh pelajar sebagai Pengarah Program.**
- 2.5 Program pelajar yang berimpak tinggi perlu mempunyai sekurang-kurangnya 3 dari 4 komponen berikut (merujuk kepada Dasar Model Hussein) dan wajib ada penerbitan media/artikel bercetak:
 - 2.5.1 Penajaan/Penajaan (Selain kewangan universiti)
 - 2.5.2 Anugerah/Pengiktirafan
 - 2.5.3 Penglibatan Pihak Luar Sebagai Peserta dan Jawatankuasa
 - 2.5.4 Penganjuran Peringkat Kebangsaan/Antarabangsa

** (Peringkat Kebangsaan = Penyertaan dari 3 negeri berbeza, Peringkat Antarabangsa = Penyertaan dari luar negara)

2.6 Pengiktirafan program berimpak tinggi adalah melalui Surat Justifikasi Pengesahan dari Pusat Pembangunan Pelajar sahaja.

3.0 CADANGAN PELAKSANAAN

3.1 Pelaksanaan pengiktirafan ini adalah seperti berikut:

3.1.1 **Program:** Program-program pembangunan pelajar yang telah **dilaksanakan bermula Januari 2023** dan dianjurkan oleh pelajar sebagai **Pengarah Program** dan staf sebagai **Penasihat Program atau Majlis Tertinggi Program** melalui fakulti, PTJ-PTJ HEPA, Persatuan, Kelab, Sekreatriat dan Badan Beruniform Universiti Tun Hussein Malaysia.

3.1.2 **Kelulusan:** Program mesti mendapat kelulusan penganjuran dari pihak fakulti, PTJ-PTJ HEPA, Persatuan, Kelab, Sekreatriat dan Badan Beruniform.

3.1.3 **Dokumen:** Program perlu mempunyai Kertas Kerja Permohonan, Surat Kelulusan Program dan Laporan Akhir yang telah disahkan, Bukti-bukti Penajaan atau Penjanaan, Laporan Media atau Artikel, Senarai Penglibatan Pelajar dan Pihak Luar, Senarai Anugerah atau Pengiktirafan dan Bukti Peringkat Pelaksanaan Program.

3.1.4 **Permohonan:** Permohonan perlu dilakukan oleh **seorang sahaja staf samada Penasihat Program atau Majlis Tertinggi Program** kepada Pusat Pembangunan Pelajar dengan **menghantar pautan-link folder (atas talian)** yang mengandungi kesemua dokumen yang terlibat sebagai bukti program berimpak tinggi ke emel pbp@uthm.edu.my.

3.1.5 **Proses:** Pihak Pusat Pembangunan Pelajar akan menyemak berdasarkan rubrik penilaian dan menyediakan surat pengiktirafan jika layak. Jika tidak layak, pihak Pusat Pembangunan Pelajar akan memaklumkan pemohon melalui emel bersama-sama alasan penolakan. Surat pengiktirafan akan diemelkan secara rasmi dari Pusat Pembangunan Pelajar kepada pemohon.


4.0 JUSTIFIKASI

4.1 Memperkasa bakat dan kemahiran pelajar UTHM dalam penganjuran program berimpak tinggi selari dengan objektif UTHM Edu-Train dalam Strategi 1: Penghasilan Graduan Kompeten dan Strategi 2: Pemantapan Jati Diri.

4.2 Meningkatkan kemahiran insaniah pada dan bakat pelajar universiti dalam penganjuran program yang menepati kriteria program yang berimpak tinggi dan dapat mengenengahkan kemampuan pelajar di Anugerah Tokoh Siswa dan Anugerah Inspirasi Mahasiswa.

- 4.3 Memberi peluang kepada para mahasiswa untuk mengetengahkan potensi dan mengembangkan bakat yang ada pada diri untuk menjadi insan yang cemerlang.
- 4.4 Memberi ruang dan peluang kepada staf untuk memenuhi kriteria kenaikan pangkat dalam pengurusan kumpulan pelajar bagi aktiviti berimpak tinggi.

5.0 CARTA ALIR PERMOHONAN



6.0 RUBRIK PENILAIAN

6.1 Pengiktirafan Program Berimpak Tinggi dinilai melalui 3 dari 4 komponen: Penjanaan/Penajaan (Selain kewangan universiti), Anugerah/Pengiktirafan, Penglibatan Pihak Luar Sebagai Peserta dan Jawatankuasa dan Penganjuran Peringkat Kebangsaan/Antarabangsa.

6.2 Rubrik Penjanaan/Penajaan (selain kewangan universiti)

Bil	Peringkat	Nilai Penjanaan/Penajaan		
		>RM20,000	RM10,000 – RM20,000	<RM10,000
1	Antarangsa	10	8	6
2	Kebangsaan	8	6	4
3	Negeri	6	4	2
4	Daerah/Universiti	4	2	1
Jumlah Markah Maksimum		10		

6.3 Rubrik Anugerah/Pengiktirafan

Bil	Peringkat	Markah
1	Antarabangsa	10
2	Kebangsaan / Agensi / Kementerian	8
3	Negeri	6
4	Daerah / Komuniti	5
5	Universiti	4
6	Fakulti	2
Jumlah Markah Maksimum		10

6.4 Rubrik Penganjuran Peringkat Kebangsaan/Antarabangsa

Bil	Peringkat	Markah
1	Antarabangsa	10
2	Kebangsaan	8
Jumlah Markah Maksimum		10

6.5 Rubrik Penglibatan Pihak Luar Sebagai Peserta dan Jawatankuasa

Bil	Peringkat	Jumlah Penglibatan Kumpulan Sasaran/Peserta		
		>500	100 - 500	<100
1	Antarabangsa	10	8	6
2	Kebangsaan	8	6	4
3	Negeri	6	4	2
4	Daerah/ Universiti	4	2	1
Jumlah Markah Maksimum		10		

Bil	Peringkat	Jumlah Jawatankuasa		
		≥4	3	≤2
1	Antarabangsa	10	8	6
2	Kebangsaan	8	6	4
3	Negeri	6	4	2
4	Daerah/ Universiti	4	2	1
Jumlah Markah Maksimum		10		

6.6 Jumlah markah keseluruhan bagi 4 komponen ialah 50.

6.7 Markah kelayakan Pengiktirafan Program Berimpak Tinggi mestilah **melebihi 75%** dari rubrik penilaian dan juga berdasarkan **hasil penentuan Pusat Pembangunan Pelajar**.

7.0 KESIMPULAN

Jawatankuasa Eksekutif HEPA melalui mesyuarat **JKE HEPA Bil. 5/2024** pada **25 Jun 2024** telah meluluskan **Kertas Kerja Permohonan Pengiktirafan Program Pembangunan Pelajar Berimpak Tinggi** anjuran Universiti Tun Hussein Onn Malaysia (UTHM) dan akan **ditentukan oleh Pusat Pembangunan Pelajar**.